

Media Title : Berita Harian  
Headline : 'Laksana Potongan Gaji Automatik Penjawat Awam Culas Bayar PTPTN'  
Date : 8 January 2025  
Page : 7  
Tone : Neutral News

# 'Laksana potongan gaji automatik penjawat awam culas bayar PTPTN'

**Kuala Lumpur:** Potongan gaji automatik, antara cadangan dikehendaki Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) bagi menggalakkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan melunaskan baki pinjaman pendidikan masing-masing.

Presidennya, Datuk Awang Alik Jeman, berkata ada beberapa langkah boleh diambil bagi memastikan sebilangan daripada kelompok penjawat awam yang culas dalam menjalankan amanah membuat bayaran balik.

"Satu daripadanya adalah mengintegrasikan sistem potongan gaji automatik bagi penjawat awam yang masih aktif berkhidmat. Bagi pesara, potongan boleh dilakukan melalui pencen bulanan sehingga pinjaman dilangsangkan.

"Kedua, kerajaan boleh memperkuuh dasar dengan mensyaratkan peminjam menyelesaikan pinjaman pendidikan sebelum sebuah barang kenaikan pangkat atau faedah tambahan. Sebagai contoh, peminjam yang culas mung-

kin tidak layak menerima insentif seperti cuti tanpa rekod untuk sambung pengajian atau elauan khas tertentu," kata-nya kepada BH.

Beliau berkata demikian mengulas laporan berita muka depan BH mengenai peminjam PTPTN yang sudah mencapai usia 60 tahun dan sudah bersara tetapi masih belum selesai membayar balik pinjaman yang diberikan.

## Peminjam kurang kesedaran

Pengerusi PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Rahim, ketika mendedahkan perkara yang dianggap sebagai tidak wajar itu, dilapor menegaskan kesedaran peminjam untuk membayar balik pinjaman amat penting kerana PTPTN memerlukan dana kira-kira RM3 bilion bagi membayai kos pendidikan tinggi 450,000 peminjam sedia ada dan purata 150,000 peminjam baharu, setiap tahun.



Awang Alik Jeman

Mengulas lanjut, Awang Alik berkata pada masa sama, melalui agenda reformasi perkhidmatan awam yang digerakkan pada masa ini, kursus khas boleh diperkenalkan untuk mendidik penjawat awam mengenai kepentingan bayaran balik pinjaman pendidikan sebagai satu tanggungjawab moral dan profesional.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan berikutnya ada golongan pesara yang direkodkan masih berhutang. Adalah mengejutkan apabila terdapat peminjam berusia 60 tahun yang masih belum menyelesaikan pinjaman mereka.

"PPTD menyarankan supaya ada pelan bayaran semula khusus untuk pesara, umpamanya kerajaan boleh menawarkan pelan ansuran berjangka panjang yang disesuaikan dengan kemampuan pencen mereka.

"Mungkin juga boleh beri diskaun kepada pesara yang mampu

membayar baki secara sekali gus," katanya.

Beliau turut menggesa kerjasama di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan PTPTN melalui penggunaan teknologi data besar (Big Data) bagi mengetahui pasti peminjam yang culas melalui analisis data perkhidmatan keduanya.

Jelasnya, tindakan proaktif membabitkan kedua-dua pihak terbabit penting supaya tindakan wajar dapat diambil sebelum penjawat awam yang masih ada baki hutang bersara.

"Pegawai Tadbir Diplomatik juga boleh memainkan peranan utama dalam memastikan penjawat awam baru memahami implikasi culas membayar pinjaman. Ini boleh dimasukkan ke dalam modul orientasi penjawat awam.

"Melalui pendekatan ini, kita dapat memastikan penjawat awam dan pesara memahami tanggungjawab mereka sebagai pemacu kemajuan negara. Dalam semangat Malaysia Madani, bertanggungjawaban adalah asas kepada pembangunan sosial yang mampan," katanya.

## **'Laksana Potongan Gaji Automatik Penjawat Awam Culas Bayar PTPTN'**

Kuala Lumpur: Potongan gaji automatik, antara cadangan dikemukakan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD) bagi menggalakkan peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dalam kalangan penjawat awam dan pesara kerajaan melunaskan baki pinjaman pendidikan masing-masing.

Presidennya, Datuk Awang Alik Jeman, berkata ada beberapa langkah boleh diambil bagi memastikan sebilangan daripada kelompok penjawat awam yang culas dalam menjalankan amanah membuat bayaran balik.

“Satu daripadanya adalah mengintegrasikan sistem potongan gaji automatik bagi penjawat awam yang masih aktif berkhidmat. Bagi pesara, potongan boleh dilakukan melalui penceburan bulanan sehingga pinjaman dilangsungkan.

“Kedua, kerajaan boleh memperkuuh dasar dengan mensyaratkan peminjam menyelesaikan pinjaman pendidikan sebelum sebarang kenaikan pangkat atau faedah tambahan. Sebagai contoh, peminjam yang culas mungkin tidak layak menerima insentif seperti cuti tanpa rekod untuk sambung pengajian atau elauan klias tertentu,” katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian mengulas laporan berita muka depan BH mengenai peminjam PTPTN yang sudah mencapai usia 60 tahun dan sudah bersara tetapi masih belum selesai membayar balik pinjaman yang diberikan.

Iluminasi ?eminjam kurang kesedaran Pengurus PTPTN, Datuk Seri Norliza Abdul Raliim, ketika mendedahkan perkara yang dianggap sebagai tidak wajar itu, dilapor menegaskan kesedaran peminjam untuk membayar balik pinjaman amat penting kerana PTPTN memerlukan dana kira-kira RM3 bilion bagi membiayai kos pendidikan tinggi 450,000 peminjam sedia ada dan purata 150,000 peminjam baharu, setiap tahun.

Mengulas lanjut, Awang Alik berkata pada masa sama, melalui agenda reformasi perkhidmatan awam yang digerakkan pada masa ini, kursus khas boleh diperkenalkan untuk mendidik penjawat awam mengenai kepentingan bayaran balik pinjaman pendidikan sebagai satu tanggungjawab moral dan profesional.

Beliau turut menyuarakan kebimbangan berikut ada golongan pesara yang direkodkan masih berhutang. Adalah mengejutkan apabila terdapat peminjam berusia 60 tahun yang niasih belum menyelesaikan pinjaman mereka.

“PPTD menyarankan supaya ada pelan bayaran semula khusus untuk pesara, umpamanya kerajaan boleh menawarkan pelan ansuran berjangka panjang yang disesuaikan dengan kemampuan penceburan mereka.

“Mungkin juga boleh beri diskon kepada pesara yang mampu membayar baki secara sekali gus,” katanya.

Beliau turut menggesa kerjasama di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan PTPTN melalui penggunaan teknologi data besar (Big Data) bagi mengenal pasti peminjam yang culas melalui analisis data perkhidmatan keduanya.

Jelasnya, tindakan proaktif membabitkan kedua-dua pihak terbabit penting supaya tindakan wajar dapat diambil sebelum penjawat awam yang masih ada baki hutang bersara.

“Pegawai Tadbir Diplomatik juga boleh memainkan peranan utama dalam memastikan penjawat awam baru memahami implikasi culas membayar pinjaman. Ini boleh dimasukkan ke dalam modul orientasi penjawat awam.

“Melalui pendekatan ini, kita dapat memastikan penjawat awam dan pesara memahami tanggungjawab mereka sebagai pemacu kemajuan negara. Dalam semangat Malaysia Madani, kebertanggungjawaban adalah asas kepada pembangunan sosial yang mampan,” katanya.